

# Sikap ibubapa tak endah pelajaran anak2nya dikesalkan

BH 17 FEB 1975  
KANGAR, Ahad.

**R**AJA Perlis menyesali sikap setengah ibubapa yang tidak menghiraukan pelajaran anak-anak hanya mengharapkan mereka membantu kerja di sawah atau mengasuh adik-adik di rumah.

Perbuatan itu, titah Baginda bukan saja merugikan masa depan anak-anak itu tetapi juga negara sendiri.

Baginda bertitah merasmikan Sekolah Menengah Vokesyenal \$2.5 juta di sini pagi ini sebagai menyambut ulang-tahun ke 57 keputeraan Baginda.

Titahnya, Kerajaan telah mengeluarkan belanja yang banyak untuk membolehkan anak-anak mengejar ilmu pengetahuan yang dapat menjamin masa depan mereka.

Baginda menyeru ibubapa bekerjasama dan mengambil berat tentang pelajaran vokesyenal yang masih kurang

dikuasai anak-anak Bumiputera.

Terdahulu dari itu Menteri Besar, Datuk Haji Jaafar Hassan berkata pembinaan sekolah vokesyenal tersebut sesuai dengan zaman sains dan teknologi.

Dua ratus tiga puluh orang murid menjadi pengasas sekolah itu bila dibuka awal Januari lalu.

## Menyekat

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, menyeru rakyat Bumiputera mengubah sikap terhadap pelajaran vokesyenal kerana kekurangan pekerja Bumiputera dalam lapisan ini boleh menyekat hasrat perpaduan negara.

Katanya hasrat itu hanya boleh dicapai jika semua kaum diwakili dalam semua lapisan dan jurusan dengan nisbah yang mencerminkan kedudukan kaum di negara ini.

Malangnya, kata beliau, kalangan Bumiputera kerap menganggap pelajaran itu berguna hanya kalau dapat dituskan ke aliran akademik dan profesional pegkat tertinggi semestilah bidang vokesyenal

untuk yang berkelulusan rendah.

Beliau berkata, "Aki-batnya di kalangan Bumiputera terdapat orang-orang berkelulusan tinggi atau berpelajaran rendah saja, ter-lalu kurang yang terle-tak dalam lapisan te-ngah antara keduanya.

"Kekurangan pekerja dalam lapisan ini menyekat usaha Kerajaan untuk memperselembang-kan kedudukan antara kaum di semua lapisan dan bidang kerja."

## Penting

Dr. Mahathir berkata pelajaran vokesyenal sa-tu jurusan penting yang patut menjadi matlamat pelajaran seseorang mur-id yang kurang minat dan kebolehan dalam bi-dang akademik.

Ia tidak patut diang-gap sebagai tempat buangan atau sebagai satu jalan untuk kembali ke jurusan akademik.

Katanya sesebuah ne-gara yang ingin maju bukan saja memerlukan siswazah tetapi warga-negara yang cekap di semua lapisan dan ju-rusan pekerjaan kerana tanpa lulusan vokesyenal kebolehan siswazah ti-dak mendatangkan ke-san.



Raja Perlis